

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allahmengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 10 (ms 11-12)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلّٰهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّٰثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَّهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجًا
كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ الْأَرْدَامَ ، إِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a':1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ الْمَوْرَسُولَةَ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللّٰهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورُ مُخْدِثَاهَا ، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلَّ ضَلَالٌ فِي
¹ التَّارِ.

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'ala'ihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'ala'ihi wa sallam* *sallallahu'ala'ihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118),an-Nasaai(III/104-105),at-Tirmidzi(no. 1105),Ibnu Majah (no.1892),,al-Hakim(II/182-83),,ath-Thayalisi (no.336),Abu Ya'la(no.5211),ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata;”Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya...Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya...”(*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku “*Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah*” oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 11 -12

“AQĀ’ID AL-IMAN”

TAUHID AR - RUBUBIYYAH

(Ertinya : Mengesakan Allah Ta’ala Pada Perbuatan-Nya)

Dan bahawa Allah Ta’ala ketunggalan Ia pada segala perbuatan-Nya, maka;

- a. Tiada ada yang menjadikan melainkan Allah Ta’ala
- b. Dan tiada yang memberi rezeki melainkan Allah Ta’ala
- c. Dan tiada yang menghidupkan melainkan Allah Ta’ala
- d. Dan tiada yang mematikan melainkan Allah Ta’ala
- e. Dan tiada yang menurunkan hujan melainkan Allah Ta’ala
- f. Dan tiada yang memberi manfaat melainkan Allah Ta’ala
- g. Dan tiada yang memberi mudharat melainkan Allah Ta’ala
- h. Dan tiada yang menjadikan sakit, melainkan Allah Ta’ala
- i. Dan tiada yang menyembuhkan melainkan Allah Ta’ala
- j. Dan tiada yang memberi bekas,melainkan Allah Ta’ala

Maka hantu,pelesit, tok keramat dan tok nenek,tiada memberi bekas mereka itu pada mendatangkan penyakit dan tiada pada menyembuhkan,kerana firman-Nya;

وَلِئِنْ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ خَلَقُهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾

Ertinya: Dan demi Allah,jika bertanya engkau akan kafir-kafir Mekah dengan perkataan engkau:’ Siapa yang menjadikan segala langit dan segala bumi?’ Nescaya berkata mereka itu pada menjawabnya:” Menjadikan akan dia oleh Tuhan yang tiada baginya bandingan lagi yang sangat Mengetahui.” (Surah Az-Zukhruf 43 :Ayat 9)

Bahkan tiada ada perbuatan bagi yang lain daripada Allah Ta’ala,kerana firman-Nya:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

Ertinya : Dan Allah Ta’ala menjadikan ia akan kamu dan akan perbuatan kamu. (Surah Ash-Shaffat 37: Ayat 96)

Wallahhu ‘lam.

Syarah :

Dalam perbahasan kali ini,, asy Syeikh *rahimahullah* membahaskan secara ringkas tentang Tauhid dan pembahagian jenis-jenis tauhid²,di mana beliau *rahimahullah* membahaskan tauhid dari 3 jenis iaitu ;

1. Tauhid Ar- Rububiyyah
2. Tauhid Al- Uluhiyyah dan
3. Tauhid Al- Asma' wa Sifat

InsyAllah pada perbahasan ini, kita akan mulai membahas terlebih dahulu perkara-perkara berikut yang amat penting untuk kita ketahui dan fahami:

-
- a. **Makna Tauhid**
 - b. **Asas Tauhid**
 - c. **Keutamaan/Kepentingan Tauhid**
 - d. **Pembahagian Jenis-Jenis Tauhid**
-

PERBAHASAN

² Pembahagian tauhid ini adalah berdasarkan penelitian terhadap nas-nas al-Quran dan al-Hadis shahihah. Tidak diragukan lagi bahawa orang yang menrenung dan meneliti al-Quran akan mendapatkan di dalamnya,ayat-ayat yang memerintahkan untuk mengikhlaskan ibadah kepada Allah semata-mata dan inilah tauhid *Uluhiyyah*.

Dia akan mendapatkan ayat-ayat yang menunjukkan bahwasanya Allah Ta'ala ,dialah Yang Menciptakan,Pemberi Rezeki dan Pengatur segala urusan dan inilah tauhid **Rububiyyah** yang diakui oleh kaum musyrikin namun tauhid ini tidaklah memasukkan mereka ke dalam Islam.

Dia juga akan menemukan ayat-ayat yang menunjukkan bahwasanya hanya Allah-lah yang memiliki nama-nama yang baik dan sifat-sifat yang tinggi,bahwasanya tiada yang serupa dan setara dengan-Nya dan inilah tauhid **Asma' wa Sifat** yang diingkari oleh ahlul bid'ah seperti *Jahmiyyah*, *Muktazilah*, *Musyabbihah* dan seumpamanya.

Sila rujuk buku Asy-Syaikh Abdurrozaq bin Abdul Muhsin Al-Abbad,**Mengapa Tauhid Dibagi Tiga**,Darul Ilmi, 2006 untuk perincian berhubung penjelasan di atas.

A. Makna Tauhid

Menurut definisi

- i. Bahasa,

Kalimah tauhid ialah berasal dari kata kerja *wahada* (وَهَدَ) atau masdar dari kalimah *وَهَادَ - يُوَهَّدُ - تَوْهِيدًا* yang membawa maksud: "Mengesakan" atau "Menunggalkan/Menjadikannya satu".

Antara pengertian tauhid ialah: "*Menafikan yang berbilang-bilang*". Misalnya: *(أَنَّهُ مَوْحِدٌ)* "Orang yang tiada duanya di zamannya, baik di bidang ilmu pengetahuan, kebijaksanaan atau kedermawanan dan lainnya".

Tauhid menurut pengertian bahasa ialah (*الْفَرَادِ*) "Yang Tunggal".

- ii. Istilah,

"Mengesakan Allah Ta'ala pada Rububiyyah,Uluhiyyah dan pada kesempurnaan Nama-Nama dan Sifat-Sifat-Nya. Atau

"Ilmu yang dengannya kita boleh memantapkan aqidah agama dengan dalil-dalil yang bersifat mutlak" atau;

"Menafikan adanya sekufu(setara),setaraf dan semisal pada Zat Allah Ta'ala,Sifat-Nya dan Perbuatan-Nya.Menafikan adanya sekutu pada penciptaan-Nya begitu juga dalam mengibadahi-Nya." atau:

"Mengesakan Allah Ta'ala dalam hal-hal yang menjadi kekhususan bagi Allah Ta'ala."³

B. Asas Tauhid

Setiap muslim wajib mentauhidkan Allah *subhanahu wa Ta'ala* dan meninggalkan segala bentuk **kesyirikan**⁴. Seorang muslim juga mesti mengetahui pengertian tauhid, makna syahadah, rukun syahadah dan syarat-syaratnya supaya ia benar-benar memahami tauhid.⁵

Kalimah tauhid ⁶ bagi kaum muslimin bagi kaum muslimin, adalah kalimah yang sudah tidak asing lagi, kerana tauhid bagi mereka adalah suatu ibadah yang wajib dilaksanakan dalam kehidupan sehari-hari seperti mana firman Allah Ta'ala;

³ Kesemuanya kembali dan bermuara pada Kalimah Syahadah iaitu ﷺ ﴿إِنَّا هُوَ إِلَهُكُمْ وَلَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ﴾

⁴ Melakukan bentuk-bentuk ibadah yang Allah Ta'ala syariatkan tetapi dipalingkan dari Allah Ta'ala atau secara bersamaan ditujukan kepada Allah Ta'ala dan juga kepada selain-Nya.Syirik tidak akan pernah bersatu dengan tauhid untuk selamanya kerana syirik memang selalu melawan, merosak dan membatalkannya.

⁵ Telah berlalu penjelasannya pada Nota Kuliah Siri 4 (ms 8-9), rujuklah kembali di sana.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

“Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku.”
(Adz Dzariat 51:56).

dan yang pertama kali didakwahkan sebelum yang lainnya.

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الظُّنُوتَ

“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): “Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah taghut”. (an-Nahl 16 :36)

Sesungguhnya tauhid adalah permasalahan yang sangat besar di dunia dan juga di akhirat.

Sebagaimana diketahui oleh umat Islam berdasarkan dalil-dalil yang sah dari al Quran dan as Sunnah,bahawa **setiap hamba akan disoal tentang tiga perkara** ketika dia berada **di alam kubur** sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh sahabat *al Barra' bin 'Azib* radiallahhu'anhu bahwasanya Rasulullah *sallallahu'alaihi wasallam* bersabda:

وَيَأْتِيهِ مَكَانٌ فِي جَسَانِهِ، فَيَقُولُ لَهُ: مَنْ رَبُّكَ؟ فَيَقُولُ: رَبِّي اللَّهُ، فَيَقُولُ لَهُ: مَا دِينُكَ؟ فَيَقُولُ: دِينِي إِسْلَامٌ، فَيَقُولُ لَهُ: مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بَعَثْنَا فِيْكَ؟ قَالَ: "فَيَقُولُ: هُوَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيْنِي" فَيَقُولُ لَهُ: وَمَا يَدْرِي كَيْفَ يَعْلَمُ أَنِّي بَعَثْنَا فِيْكَ؟ فَيَقُولُ: قَرَأْتُ كِتَابَ اللَّهِ فَأَمِنْتُ بِهِ وَصَدَقْتُ" زَادَ فِيْ حَدِيثِ جَرِيرٍ "فَذَلِكَ قَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى: {يَثْبِتُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا} الْآيَةُ وَإِنَّ الْكَافِرَيْنَ... وَيَأْتِيهِ مَكَانٌ فِي جَسَانِهِ فَيَقُولُ لَهُ: مَنْ رَبُّكَ؟ فَيَقُولُ: هَاهُ، لَا أَدْرِي، فَيَقُولُ لَهُ: مَا دِينُكَ؟ فَيَقُولُ: هَاهُ، لَا أَدْرِي، فَيَقُولُ لَهُ: مَا هَذَا الرَّجُلُ الَّذِي بَعَثْنَا فِيْكَ؟ فَيَقُولُ: هَاهُ، لَا أَدْرِي

“Ketika dua malaikat mendatanginya (jenazah seorang Anshar),lalu kedua malaikat tersebut mendudukkannya dan berkata padanya: ”Siapa Rabb-mu?” Rabbu-ku adalah Allah, jawabnya.Lalu kedua malaikat tersebut berkata: ”Apa agama-mu?” Agama-ku adalah Islam, jawabnya.Kemudian kedua malaikat tadi berkata: ’Dan siapa (Rasul) yang diutus pada kalian? Dia menjawab: ’Dia adalah Rasulullah saw.’ Lalu kedua malaikat tersebut bertanya: ’Apa yang memberitahumu tentang hal tersebut?’ Maka ia menjawab: ”Aku membaca al Quran, lalu aku mengimannya dan membenarkannya.”

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةً طَيِّبَةً أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿١٤﴾ تُؤْتَى أُكُلَّهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا
وَنَضَرَبُ اللَّهُ أَلَمَّا مِثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿١٥﴾

“Tidakkah engkau melihat ,bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Pohon itu mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhan. dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran).”(Ibrahim 14:24-25)

Pada hadis Jabir *radiallallahhu 'anhu* ditambah ayat dari al Quran iaitu:

يُشَّهِّدُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الْثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ وَيُضْلِلُ اللَّهُ الظَّالِمِينَ ﴿٢٧﴾

وَيَفْعُلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ ﴿٢٨﴾

“ Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendakiNya.” (Ibrahim 14:27)

Dan sesungguhnya orang kafir....Dan kedua malaikat mendatanginya lalu mengatakan kepadanya: 'Siapa Rabb-mu?' Maka ia menjawab: 'Hah,hah,hah,aku tidak tahu.' Lalu malaikat tersebut bertanya lagi: 'Apa agama-mu?' Hah,hah,aku tidak tahu' jawabnya.Kemudian kedua malaikat tadi bertanya: 'Dan siapa(Rasul) yang diutus kepada kalian?' Dia menjawab: 'Hah,hah,aku tidak tahu.' ”

(Hadis riwayat Abu Daud no 4753 disahihkan oleh al Bani dalam *Shahih at Targhib wat Targhib*)

Manakala menurut al Imam Ibnu Qayyim al Jauziyah⁷ *rahimahullah* pula di dalam kitabnya *Zaadul Ma'ad fi Hadyi Khairil Ibad jilid 1*, berkata ;

'Sesungguhnya tidak akan bergeser kedua kaki anak Adam di *Yaumul Mahsyar* melainkan ia akan disoal tentang dua perkara yang merupakan **dasar tegaknya tauhid** iaitu :

i. Apakah yang kamu sembah?

مَاذَا كُنْتُمْ تَبْعُدُونَ؟

Jawabannya adalah ; **Mengesakan Allah Ta'ala di dalam beribadah** sebagaimana firman-Nya :

الرَّ كَتَبَ أَحْكَمَتْ إِيمَانَهُ ثُمَّ فُصِّلَتْ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ حَبِيرٍ ﴿٢٩﴾

نَذِيرٌ وَّشَيرٌ

“Alif, Laam, Raa'. (inilah) suatu kitab yang atat-ayatnya disusun dengan rapi serta dijelaskan secara terperinci,yang diturunkan dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Tahu.,agar kamu tidak menyembah selain Allah.Sesungguhnya

⁷ Lahir di Damaskus Syria pada 691/1292M ,seorang ulama besar ,alim mujtahid mazhab Hanbali,pakar di bidang Tafsir,Hadis,Fiqh,Akhlaq dan sebagainya.Murid terbaik dan paling rapat dengan gurunya,Ibnu Taimiyah *rahimahullah*.Beliau bersama gurunya berjuang bersungguh-sungguh menyeru umat agar kembali kepada al Quran dan as Sunnah menurut pemahaman Salaf al Soleh

.Di antara kitab karangannya yang masyhur adalah *Zaad ul Ma'ad* dan *I'lam al-Muwaqi'i*.Banyak buku-buku beliau telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan Indonesia.Beliau meninggal pada 751H/1350M di Damaskus Syria.

aku(Muhammad) adalah pemberi peringatan dan pembawa khabar gembira kepadamu daripada-Nya". (Hud 11:1-2)

ii. Bagaimanakah kamu menyahut panggilan para utusan-Ku?

وَمَاذَا أَجْبَتُمُ الْمُرْسَلِينَ؟

Jawabannya adalah ; **Menjadikan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* sebagai satu-satunya yang diikuti** sebagaimana firman Allah Ta'ala ;

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُخَبِّئُكُمُ اللَّهُ وَيَعْفُرُ لَكُمْ دُنْوَيْكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

"Katakanlah: "Jika benar kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampunkan dosa-dosa kamu. dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayangi". (Al-Imran 3:31)

C. Keutamaan/Kepentingan Tauhid

Pepatah mengatakan,'Tak Kenal Maka Tak Cinta'. Maka untuk menyintai tauhid,mewujudkan tauhid,mendakwahkan tauhid dan mempertahankan Tauhid,kita harus tahu apakah Keutamaan/kepentingan Tauhid tersebut kepada diri kita,masyarakat,bangsa dan negara tercinta ini!

Berdasarkan perenungan yang tajam terhadap dalil-dalil dari al Quran dan al Hadis Sahihah oleh para Ulama, maka berikut disenaraikan keutamaan-keutamaan bagi orang-orang yang benar tauhidnya kepada Allah Ta'ala;

- i. Dihapus dosa-dosanya
- ii. Mendapat petunjuk yang sempurna dan kelak di akhirat akan mendapat rasa aman
- iii. Dihilangkan kesulitan dan kesedihannya di dunia dan di akhirat
- iv. Hatinya rasa cinta kepada iman,dan Allah *Ta'ala* akan menjadikan hatinya benci kepada kekafiran dan kefasikan.
- v. Dijamin masuk syurga
- vi. Penyebab utama mendapat syafaat Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*
- vii. Diberikan kemenangan,pertolongan ,kejayaan dan kemuliaan
- viii. Amalnya yang sedikit menjadi banyak
- ix. Mencegah seseorang dari kekal dalam neraka.⁸

⁸ Perincian Huraian Terhadap Setiap Keutamaan,sila rujuk Lampiran

- x. Dan ada banyak lagi keutamaan-keutamaan yang lain⁹

D. Pembahagian Tauhid

Asy Syeikh rahimahullah membahagikan tauhid kepada 3 jenis iaitu Tauhid Rububiyyah,Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Asma' wa Sifat.

Kita akan menghuraikan satu persatu jenis-jenis tauhid yang disebutkan oleh asy Syeikh rahimahullah.Kita mulakan dengan Tauhid ar-Rububiyyah terlebih dahulu sebelumnya kata asy Syeikh pada matan kitab ini iaitu:

1.0 TAUHID AR - RUBUBIYYAH

(Ertinya : MengEsakan Allah Ta’ala Pada Perbuatan-Nya)

Dan bahawa Allah Ta’ala ketunggalan Ia pada segala perbuatan-Nya, maka;

- k. Tiada ada yang menjadikan melainkan Allah Ta’ala
- l. Dan tiada yang memberi rezeki melainkan Allah Ta’ala
- m. Dan tiada yang menghidupkan melainkan Allah Ta’ala
- n. Dan tiada yang mematikan melainkan Allah Ta’ala
- o. Dan tiada yang menurunkan hujan melainkan Allah Ta’ala
- p. Dan tiada yang memberi manfaat melainkan Allah Ta’ala
- q. Dan tiada yang memberi mudharat melainkan Allah Ta’ala
- r. Dan tiada yang menjadikan sakit, melainkan Allah Ta’ala
- s. Dan tiada yang menyembuhkan melainkan Allah Ta’ala
- t. Dan tiada yang memberi bekas,melainkan Allah Ta’ala

Maka hantu,pelesit,tok keramat dan tok nenek,tiada memberi bekas mereka itu pada mendatangkan penyakit dan tiada pada menyembuhkan,kerana firman-Nya;

وَلِنَ سَأَلْتُهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ خَلَقُهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ

⁹ Sila rujuk buku bertajuk “Tauhid Beres Negara Sukses” oleh Sufyan bin Fuad Baswedan,MA terbitan AkbarMedia,1433H dari ms 69-119

Ertinya: Dan demi Allah,jika bertanya engkau akan kafir-kafir Mekah dengan perkataan engkau: ' Siapa yang menjadikan segala langit dan segala bumi?' Nescaya berkata mereka itu pada menjawabnya: " Menjadikan akan dia oleh Tuhan yang tiada baginya bandingan lagi yang sangat Mengetahui." (Surah Az-Zukhruf 43 :Ayat 9)

Bahkan tiada ada perbuatan bagi yang lain daripada Allah Ta'ala,kerana firman-Nya:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩﴾

Ertinya : Dan Allah Ta'ala menjadikan ia akan kamu dan akan perbuatan kamu. (Surah Ash-Shaffat 37: Ayat 96)

Wallahhu'lam.

Tauhid Ar- Rububiyyah

Rububiyyah merupakan kata yang dinisbatkan kepada salah satu nama Allah Ta'ala iaitu "Rabb" (رب). Rububiyyah (الرُّبُوبِيَّةُ) juga diambil dari kata dasar ar-rabb (الرَّبُّ) yang mempunyai beberapa makna antaranya: (الْمَالِكُ) "Tuan", (الْمَلِكُ) "Raja", (الْمُرْبِّي) "Pemelihara" (الْنَّصَارُونَ) "Penolong" (الْدَّوْلَى) "Wali" dan (المُصْلِحُونَ) "Pembaharu atau yang memperbaiki".¹⁰

Bermaksud meng-Esakan Allah Ta'ala dalam segala perbuatan-Nya tidak ada sekutu bagi-Nya, Dialah Rabb yang Maha Pencipta,Dialah yang mengatur Alam dan yang menjalankannya.Dialah yang menciptakan hamba,yang memberikan rezeki kepada mereka,menghidupkan dan mematikan.Dan beriman kepada qada' dan qadar-Nya serta ke-Esaan-Nya dalam Zat-Nya .

Dalil-dalil syar'i telah menegaskan wajibnya beriman kepada Rububiyyah Allah Ta'ala seperti dalam firman-Nya:

وَلِئِن سَأَلْتُهُم مَّنْ حَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ حَلَقَهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٩﴾

" dan sungguh jika kamu tanyakan kepada mereka (yang musyrik) itu:" Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?"Sudah tentu mereka akan menjawab: "Yang menciptakannya ialah Allah Yang Maha Perkara, lagi Maha Mengetahui". (Az-Zukhruf 43:9)

Tauhid ini telah diakui oleh orang-orang kafir dahulu mau pun sekarang .Mereka umumnya mengakui bahwasanya, hanya Allah semata pencipta segala sesuatu, Pemberi Rezeki, Pemilik langit dan bumi,dan Pengatur alam semesta dan seumpamanya.

¹⁰. Sebahagian dari pengertian ini boleh di dapati di dalam buku عقيدة المؤمن Hlm. 87. Syeikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi.

قُلْ لِمَنِ الْأَرْضُ وَمَنْ فِيهَا إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾ سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُوْنَ ﴿٤٧﴾ قُلْ مَنْ رَبُّ الْسَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿٤٨﴾ سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ أَفَلَا تَتَقْوَوْنَ ﴿٤٩﴾ قُلْ مَنْ بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ تَحْيِرُ وَلَا تُجَاهُ عَلَيْهِ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٥٠﴾ سَيَقُولُونَ لِلَّهِ قُلْ فَإِنَّ
 تُسْحَرُوْنَ ﴿٥١﴾

“ Katakanlah: "Kepunyaan siapakah bumi ini dan segala yang ada padanya, kalau kamu mengetahui?" Mereka akan menjawab: "Kepunyaan Allah". katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu ingat ?" Katakanlah: "Siapakah yang empunya langit yang tujuh dan Yang Empunya 'Arsy yang besar?" Mereka akan menjawab: "(Semuanya) kepunyaan Allah". Katakanlah: "Mengapa kamu tidak mahu bertaqwa?" Katakanlah: Siapakah yang di tangan-Nya berada segala kekuasaan atas segala sesuatu sedang Dia melindungi,tetapi tidak ada yang dapat dilindungi dari(azab-Nya),jika kamu mengetahui? ” (al Mukminun 23:84-89)

Namun pada masa yang sama, mereka juga menetapkan berhala-berhala yang mereka anggap sebagai penolong,mereka bertawassul¹¹ dengan berhala tersebut dan menjadikan mereka sebagai pemberi syafaat sebagaimana yang disebut dalam beberapa ayat al Quran.Dengan perbuatan tersebut,mereka tetap dalam keadaan musyrik,sebagaimana firman Allah subhanahu wa Ta'ala :

وَمَا يُؤْمِنُ أَكْثَرُهُمْ بِاللَّهِ إِلَّا وَهُمْ مُشْرِكُوْنَ ﴿١٣﴾

“Dan (orang-orang yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka memperseketukanNya juga dengan yang lain.” (Yusof 12: 106)

Atas sebab itulah mereka tetap diperangi oleh Nabi *sallallahu'alaiku wa sallam* bersama para sahabatnya *radiallahu'anhum* dan menghalalkan darah dan harta kekayaan mereka sebagaimana sabda Nabi *sallallahu'alaiku wa sallam*:

أَمْرَتُ أَنْ أَقْاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَقُولُواٰ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَإِنِّي رَسُولُ اللَّهِ.

"Aku telah diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan: Tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah".¹²

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ كَفَرَ بِمَا يُعْبُدُ مِنْ دُوْنِ اللَّهِ حَرَمَ مَالُهُ وَدَمُهُ.

"Sesiapa yang mengucapkan: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ "Tiada tuhan yang diibadahi/disembah melainkan Allah" dan mengkufuri sembahyang selain Allah, maka harta dan kehormatannya terpelihara".¹³

¹¹ Menjadikan sesuatu itu sebagai perantara antara dia dengan Allah subhanahu wa Ta'ala

¹². H/R Bukhari, Kitabul Iman - Bab 17. فَانْتَابُوا وَاقْمُوا الصَّلَاة... ١

¹³. H/R Muslim.

Rumusannya, orang-orang kafir secara fitrahnya mereka akur dan tetap yakin serta mengakui bahawa Allah sahaja yang memiliki sifat Rububiyyah namun pengakuan dan keyakinan mereka itu tidak memasukkan mereka ke dalam Islam kerana pada masa yang sama mereka melakukan kesyirikan dengan menjadikan sekutu-sekutu bagi Allah *Ta'ala* dalam peribadatan mereka,yakni mereka tidak beriman dengan tauhid yang seterusnya iaitu Tauhid Uluhiyyah.

InsyAllah akan bersambung seterusnya pada perbahasan tentang Tauhid al uluhiiyah dan Tauhid al Asma' wa Sifat.

Wallahhua 'lam. Walhamdulillah.

Untuk bacaan lanjut bagi menambahkan pemahaman, sila rujuk buku-buku berikut;

1. Abdul Akhir Hammad al Ghunami,***Tahdzib Syarh Ath-Thahawiyah***,At Tibyan,1995
2. Syaikh Abdullah bin Ibrahim al Qar'awi,***al Waajibat***,Media Hidayah,2005
3. Asy-Syaikh Abdurrozaq bin Abdul Muhsin Al-Abbad,**Mengapa Tauhid Dibagi Tiga**,Darul Ilmi, 2006
4. Abdullah bin Abdil Hamid al-Atsari, **Intisari Aqidah Ahlis Sunnah wal Jamaah**,Pustaka Asy-Syafi'i,2006
5. Syeikh Abdul Qadir b. Abdul Muthalib Al-Indunesia Al-Mandili,**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**,Al-Hidayah,2003
6. Imam Ahmad bin Hanbal,***Usul as Sunnah***,Pustaka Darul Ilmi,1996
7. Syeikh Abu Ostman Ismal Ash Shobuni,***Aqidatus-Salaf***(Ahlul Hadith),Jahabersa,2003
8. Syaikh Abu Muhammad al Hassan al Barbahary,***Syarhus Sunnah***,Dar El Hajjah,2002